

Berita dan Foto :
Ak. Jeferi Pg. Durahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 September. - Alhamdulillah, pada tahun ini, UNISSA sekali lagi berjaya melahirkan para cendekiawan yang berwibawa pada Hafiz al-Takharruj Ke-9, iaitu seramai 289 graduan yang menerima Ijazah Doktor Faissal, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma dan daripada jumlah tersebut, 28 graduan pelajar antarabangsa mewakili 11 buah negara.

Dalam temu bual bersama beberapa graduan yang berjaya dengan cemerlang menerima segulung ijazah, salah seorang graduan, Awang Mohammad Bahauddin bin Haji Abu Bakar, 24, berasal dari Kampung Rimba, merupakan graduan Sarjana Muda Bahasa Arab, dengan Kepujian Kelas Pertama serta salah seorang penerima Anugerah Pingat Universiti bagi Hafiz al-Takharruj Ke-9 UNISSA, memilih program atau jurusan ini semenjak Tingkatan Enam dan kemudiannya meneruskan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam program yang sama. Ini adalah kerana minatnya untuk mengkaji lagi dan mempraktikkan penggunaan bahasa Arab, di samping menggunakan bahasa Inggeris untuk berkommunikasi. Beliau selama setahun melalui program pengajian di luar negara di Sultan Qaboos University di Kesultanan Oman.

"Mengenai dengan UNISSA, sememangnya ia banyak melahirkan graduan-graduan serta cendekiawan Muslim sejati yang berpendidikan Islam dan ini merupakan satu kelebihan untuk Negara Brunei Darussalam yang berfasih Melayu Islam Beraja, dengan ilmu dan pendidikan teras Islam yang ada pada diri graduan dapat membantu dalam membangun Negara Zikir," jelas beliau.

Sementara itu, Dayang Syazana Syafiqah Adilah binti Haji Mahdini, 25, yang mengambil Program Dwi Ijazah (LL.B & BSL) Sarjana Muda Undang-

Aspirasi graduan UNISSA bangunkan Negara Zikir



DAYANG Mohammad Bahauddin bin Haji Abu Bakar.



DAYANG Syazana Syafiqah Adilah binti Haji Mahdini.



DAYANG Nur Sakhina binti Rosli.

Undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah yang mengambil masa selama lima tahun dari 2014 - 2019 dan berjaya mendapat keputusan Kepujian Kelas Pertama dan dianugerahkan Pingat Universiti dan Hadiah buku Universiti berkata, melalui Program Dwi Ijazah ini, pelajar mempunyai kelebihan dalam mempelajari dua aliran perundangan iaitu sivil dan syariah dan ia merupakan satu keberuntungan yang mana dengan program ini, graduan lulusan UNISSA bukan hanya berperanan dalam menegakkan keadilan dalam kehidupan bermasyarakat malah memainkan peranan utama pada mendaulatkan pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini.

Pengajian undang-undang ini terang Dayang Syazana lagi ada banyak kelebihannya yang mana kerjaya dalam bidang undang-undang sebenarnya tidak terhad untuk menjadi pendakwa atau peguam sahaja, malah skopinya adalah sangat luas, meliputi sektor kerajaan mahupun swasta, antaranya sebagai penasihat undang-undang, pendaftar, penggubal undang-undang dan lain-lain.

"Pada pendapat saya mengenai UNISSA pula walaupun program ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, UNISSA juga memastikan setiap pelajar menguasai bahasa Arab di mana bahasa Arab menjadi kursus wajib. Dalam usaha melahirkan generasi beragama dan progresif menjelang 2035, selain daripada menjadikan kursus Al-Quran sebagai kursus teras semua peringkat pengajian, UNISSA juga ada menjalankan beberapa kursus minor, antaranya Kursus Keusahawanan, Kursus Halal Science, ICT dan lain-lain."

Sementara Che Wan Ahmad Dziraf bin Che Wan Mahmud, 24, dari Kampung Geliga, Kemaman, Terengganu Darul Iman, Malaysia yang merupakan salah seorang graduan luar negara yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir & Hadith) telah mendapat Kepujian Kelas Pertama pula menjelaskan program yang diambil adalah kerana ingin menguasai bidang tafsir dan hadis dengan lebih dalam dan memahami nas-nas agama Islam dengan lebih tepat dan jelas serta menghayati perjuangan dan pengorbanan ulama-ulama Islam dahulu serta sekarang dalam

menghuraikan dalil-dalil agama.

Dayang Nur Sakhina binti Rosli, 27, yang mengambil Program Sarjana Usuluddin (Coursework and Dissertation) dan telah memperoleh keputusan Lulus menjelaskan Program Sarjana Usuluddin yang dipilih semasa menjalankan pengajian di UNISSA iaitu dalam bidang Sarjana Usuluddin yang memfokuskan pada akidah dan dakwah, seterusnya menyambung pengajian dalam bidang yang sama di peringkat Sarjana adalah kerana minat dan ingin lebih mendalami dalam bidang Usuluddin ini.

"Semasa pengajian Sarjana Muda Usuluddin, saya telah membuat penulisan berbentuk latihan ilmiah bertajuk "Cara-cara berdakwah dalam meningkatkan lagi kefaaman masyarakat Brunei tentang pelaksanaan Hukum Kanun Jenayah Syar'iah" dan Alhamdulillah hasil dapatkan daripada kajian tersebut menunjukkan rata-rata masyarakat kita sangat menyokong hasrat Kebawah DYMM untuk melaksanakan Hukum Kanun Jenayah Syar'iah tersebut dan ada juga segelintir yang masih kurang faham mengenai

pelaksanaan hukuman tersebut seterusnya membuat andaian yang tidak relevan akan tetapi atas usaha dan kerjasama pihak-pihak berkenaan, perkara tersebut sudah pun diselesaikan melalui kaedah-kaedah dakwah, tambahnya.

Manakala dalam bidang Sarjana pula, jelasnya, ia telah membuat kajian mengenai "Saudara baharu dalam kalangan Puak Dusun di Daerah Tutong : permasalahan dan penyelesaian" dan Alhamdulillah hasil dapatkan kajian menunjukkan dakwah Islam pada masa kini semakin berkembang dan diterima keseluruhan rakyat di negara ini, lebih-lebih lagi Puak Dusun di Daerah Tutong.

Ujarnya lagi, cabaran dan tantangan yang dihadapi saudara baharu adalah perkara biasa yang dirasai pada awal pengisian mereka namun Alhamdulillah Pusat Da'wah Islamiah di negara ini tidak pernah lepas tangan dan sama-sama membantu dalam menyelesaikan permasalahan mereka bahkan dalam menambahkan lagi iman mereka terhadap agama Islam.

"Dalam merealisasikan hasrat Kebawah DYMM dalam menjadikan rakyat dan negara ini sebagai negara yang berpegang teguh pada ajaran Islam, melalui ilmu-ilmu yang diperoleh dari UNISSA, saya juga ada mengajarkan Muqaddam dan bacaan Al-Quran kepada orang awam secara tidak langsung bagi membantu pihak kerajaan dalam merealisasikan dan menghidupkan masyarakat yang celik Al-Quran," terangnya.

Menyentuh mengenai pandangannya terhadap UNISSA, Dayang Nur Sakhina melahirkan rasa syukur dan berbangga kerana UNISSA setiap tahun semakin banyak melahirkan graduan dalam bidang keagamaan.



Oleh : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

MUHASABAH mengenali kekurangan dan kelebihan diri. Apabila kita menilai diri sendiri bermaksud kita cuba mengetahui kekurangan dan kelebihan yang kita ada. Jangan mudah berpuas hati dengan apa yang kita telah kecapai tanpa menilai kembali apa yang telah kita lakukan untuk mencapainya.

Ingin apa yang telah kita buat untuk mencapainya? Adakah kita mencapainya dengan jalan yang betul atau sebaliknya? Jika jalan yang betul alhamdulillah, jika sebaliknya cuba bayangkan apa kesan yang telah kita tinggalkan dan apa kerugian yang telah kita buat kepada yang telah dikorbankan secara terang-terangan atau sebaliknya?

Apabila sudah berlaku, masih belum terlambat untuk sekurang-kurangnya memperbaikinya dan membetulkannya. Hendak serbu daya tak hendak serbu dalih. Jangan malu untuk mengaku kesilapan dan kesalahan jika sememangnya kita silap atau salah.

Jangan mudah menuding jari kepada yang lain jika ternyata mereka tidak mengetahui

Muhasabah diri, ingat hak ilahi

apa yang telah berlaku dan terjadi, seolah-olah apa yang berlaku adalah diketahui dan disembunyi secara sengaja. Terkadang yang lebih mengetahui hanya berdiam diri dan menuding jari kepada yang dikusai, sedangkan kesalahan yang tidak diketahui, tetapi hanya untuk membalsas rasa sakit hati juga melepas diri, biar yang dibenci dijatuh dan dikorban.

Ingin bawa kita manusia mempunyai hak-hak yang perlu dilaksanakan, iaitu hak kepada pencipta juga hak kepada kedua ibu bapa, di samping hal kapada sesama manusia dan majikan juga orang bawahan kita. Utamakan hak yang perlu dilaksanakan kepada Allah Yang Maha Esa, cuba laksanakan solat lima waktu pada waktunya, tunaikan puasa dan zakat pada waktunya, tunaikan haji jika rezeki memang mengizinkan untuk kita menjadi tetamu-Nya.

Ingin tanggungjawab kita kepada isteri, anak-anak maupun ibu bapa juga keluarga, yang kita miliki kini bersifat semestara. Entah esok atau lusa atau bila-bila, mereka akan sibuk atau tidak akan lagi bersama kita. Hargailah mereka selagi kita berkesempatan dan mempunyai peluang untuk bersama, berikan kegembiraan, kebahagiaan maupun keceriaan pada wajah mereka. Niatkan kerana Allah semata, insyaAllah akan diberikan Allah pahala akannya.

Kita selaku manusia memang tidak sempurna, cukup sekiranya kita hormat menghormati, tolak ansur dan memahami

sesama rakan sejawat kita, bukan hanya tahu menjadi ketua dan memberi perintah sesuka hati mengikut kawalan hawa nafsu semata, bisa dan molek jika kita melaksana tanggungjawab mengikut sunnah dan pertimbangan yang logik dan bertolak ansur juu.

Apabila kita cuba memberikan yang baik, teruskan dan usahakannya untuk menjadi terbaik. Tidak ada ruginya bagi kita untuk melaksanakan sesuatu dengan terbaik dan memberikan hasil yang terbaik. Kebaikan yang bakal diterima bukan hanya untuk kita cuma, tetapi juga kepada semua secara tidak langsungnya.

Jika masih dalam tumpuk lama dan biasa, masih ada masa dan jalan yang terbuka, untuk merubah diri seterusnya berjaya, berjaya untuk merubah diri daripada yang buruk menjadi sederhana seterusnya menjadi baik dan tidak mustahil terbaik dalam kalangan yang terbaik lainnya.

Tidak ada perkataan mustahil kepada sesiapa yang muah berusaha, untuk merubah diri, keluarga dan nasib sendiri juga keluarga kita, seperti firman Allah dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 11, tafsirnya : " Sesungguhnya Allah tidak akan merubah nasib sesuatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah nasibnya".

Mudah menyatakan dan berkata, namun berat untuk melaksanakannya, ingatlah wahi manusia, segala sesuatu yang berlaku pasti ada titik mula atau permulaannya. Tinggal kita sahaja yang

mau untuk mengambil kesempatan yang sentiasa ada untuk berubah kepada kebaikan atau sebaliknya? atau untuk menjadi yang terbaik atau sebaliknya? atau untuk berhijrah atau tidak?

Seumur keputusan ada di tangan kita, cuma perlu memulakan langkah dan perlu bersifat positif dan siap sedia fizikal dan mental untuk menghadapi segala kemungkinan yang bakal melanda atau bakal dihadapi dalam melakukan muhasabah dan hijrah untuk diri kita. Kita tulus Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Tahun Baharu 1441 Hijrah mestil berhijrah. Jangan tahan-tahan memerap diri dalam keburukan, tegas baginda, tetapi wajib berhijrah, meninggalkan jauh-jauh keburukan dengan menghampiri kebaikan.

Kenali dan sayangi diri, kenal pasti kekurangan dan kelebihan diri, perbaiki kekurangan diri, gunakan kelebihan diri, untuk menjadi baik kemudian terbaik lagi, ingat niat semata kerana Ilahi, jangan diketepaksaan dan keberatanati hati.

Seumur bermula dari kita. Ingin semua adalah pinjaman daripada Allah, bila-bila masa saja Allah boleh menariknya, syukuri apa yang kita ada, harga orang kesayangan kita, ingat akan tanggungjawab kita, kepada Allah, keluarga juga sesama manusia, jangan anggap air pasang akan sentiasa, air pasti ada pasang dan surutnya juu.